

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 20 / 7 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 4 | RUANGAN | NEGARA |

Jumlah imam tunai haji ditambah

SERDANG - Jumlah imam dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang ditawarkan mengerjakan haji di bawah penajaan IM Malaysia Development Berhad (IMDB) tahun ini dinaikkan kepada 400 orang berbanding 111 orang tahun lepas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan keputusan itu semasa berucap di Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid seluruh negara bersama Perdana Menteri di Dewan Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang di sini semalam.

Beliau turut mengumumkan pemberian kain kepada 14,254 imam dan 138,716 anggota jawatankuasa masjid di seluruh negara untuk dibuat Jubah di samping dua tong air zam-zam kepada setiap masjid.

Menurutnya, kain dari jenis yang cukup berkualiti itu dipilihnya sendiri dan diberi awal agar penerima dapat membuat Jubah khas untuk dipakai pada 1 Syawal nanti.

Najib berkata, kerajaan sentiasa mengambil berat soal kebajikan rakyat termasuk para imam dan guru-guru agama yang bekerja keras berjuang demi memartabatkan syiar Islam di seluruh pelusok negara.

"Mereka menjadi nadi dan tulang kepada perkembangan syiar Islam se-



NAJIB bersalaman dengan para hadirin pada Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid seluruh negara bersama Perdana Menteri di Serdang semalam.

jak sekian lama tanpa pernah meminta yang bukan-bukan daripada kerajaan malah elau yang diterima sebelum ini tidak pernah diungkit berbanding tugas serta peranan yang dicurahkan mereka yang cukup besar.

"Amat penting bagi para imam untuk bergerak bahu ke bahu, seiring dengan kerajaan untuk mencapai impian negara yang cukup besar, untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020," tambahnya.

Pada tahun lalu, seramai

57 imam dan 54 pengerusi JKKK dipilih menunaikan fardu haji tajaan IMDB.

Selain itu, mereka turut diberi wang saku sebanyak RM1,000 seorang.

Kos menunaikan fardu haji tahun lalu berjumlah RM9,980 dan ia merupakan pertama kali dianjurkan IMDB.

Perdana Menteri berkata, transformasi yang sedang digerakkan adalah selaras dengan istilah 'Islah' yang merujuk kepada pembaharuan besar ke arah kebalkan.

Beliau berkata, perju-

ngan membawa pembaharuan itulah yang membawa kepada penampilan pelbagai inisiatif kerajaan seperti BRIM, KRIM, bantuan pendidikan murid sekolah malin Kedai Kain IM Malaysia.

Perdana Menteri seterusnya mengajak semua pihak supaya menjadi kumpulan 'Muslihin' yang merujuk kepada penumpukan aspek perpaduan kaum dan bukannya menjadi kumpulan 'Mufsidin' yang lebih kepada tindakan merosakkan atau memecahbelahkan umat-Ber-nama